

MAHATHIR-PTD

1977

PETALING JAYA, 4 NOV (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MULAI TAHUN DEPAN HANYA PARA PEGAWAI YANG TAMAT KURSUS PRA LANTIKAN AKAN DIAMBIL BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK (PTD).

KATANYA, KERAJAAN MEMANDANG BERAT KEPERLUAN MENGADAKAN PERKHIDMATAN AWAM YANG TERLATIH SUPAYA SETIAP KEGIATAN DAPAT DIJALANKAN DENGAN CEPAT DAN BERKESAN.

KETIKA MERASMIKAN KURSUS PRA LANTIKAN PTD DI INTAN DI SINI HARI INI BELIAU JUGA MENYEBUT PENTINGNYA PROFESIONALISME DALAM BERBAGAI BIDANG UNTUK MENJAYAKAN RANCANGAN PEMBANGUNAN PENTING.

+PROFESIONALISME PATUT DIADAKAN DALAM PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK JUGA. + KATANYA.

PTD, TAMBAHNYA, DI SAMPING MEMBERI PIMPINAN PENTADBIRAN KEPADA PERKHIDMATAN AWAM SECARA AM JUGA MEMAINKAN PERANAN PENTING SEBAGAI SATU GOLONGAN PENTADBIR ISTINAWA DALAM MEMBERI NASIHAT KEPADA PEMIMPIN POLITIK TENTANG DASAR KERAJAAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MEMBAYANGKAN KEMUNGKINAN KURSUS PRA LANTIKAN ITU YANG DIJALANKAN SELAMA SETAHUN DILANJUTKAN MENJADI DUA ATAU TIGA TAHUN DALAMASA 10 ATAU 20 TAHUN LAGI.

— BERSAMBUNG 1305/A1

MAHATHIR - PTD 2 PETALING JAYA

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA BAHAWA MULAI TAHUN 1979, KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MELANJUTKAN TEMPON KURSUS UNTUK GURU-GURU DARI DUA TAHUN KEPADA TIGA TAHUN.

LANGKAH ITU, KATANYA, IALAH UNTUK MENINGGIKAN LAGI TARAF PERGURUAN DI NEGARA INI. — BERNAMA 1307/A1